

Ekspedisi NUS, OceanX teroka biodiversiti laut, berlepas ke Lautan Hindi

Penyelidik dari Singapura, Asia Tenggara dan Pasifik, serta Amerika Syarikat, memulakan ekspedisi pada 7 Oktober dari Marina di Keppel Bay untuk mengkaji bahagian Lautan Hindi Timur yang masih banyak belum diterokai.

Ia adalah sebahagian daripada komitmen Singapura untuk memahami dan melindungi biodiversiti marin.

Ekspedisi selama 24 hari itu merupakan inisiatif Universiti Nasional Singapura (NUS) dan OceanX, sebuah badan bukan mencari untung berpusat di Amerika yang mengendalikan kapal saintifik OceanXplorer, lapor *The Straits Times* (ST).

Ini menandakan ekspedisi saintifik dasar laut pertama Singapura sejak Perjanjian bagi Kepelbagaian Biologi Marin Kawasan Melangkaui Bidang Kuasa Negara (BBNJ) diterima pakai, kata NUS dan OceanX dalam satu kenyataan.

Perjanjian BBNJ adalah perjanjian yang mengatur pemuliharaan dan penggunaan mampan biodiversiti marin di luar kawasan negara.

Perjanjian itu akan membuka jalan



Ekspedisi selama 24 hari itu merupakan inisiatif Universiti Nasional Singapura (NUS) dan OceanX, sebuah badan bukan mencari untung berpusat di Amerika Syarikat yang mengendalikan kapal saintifik OceanXplorer. – Foto OCEANX

untuk, antara lain, penubuhan kawasan perlindungan marin di laut terbuka.

Menteri Ehwat Luar, Dr Vivian Balakrishnan, semasa upacara pelepasan OceanXplorer pada 4 Oktober, berkata kini terdapat paradigma baru dalam

pembangunan.

“Dalam paradigma lama, kita ambil dan eksploitasi... Tetapi pada masa depan, nilai sebenar akan tercipta dengan melindungi serta berkongsi idea, penemuan, dan aplikasi.

“Selain memetakan dasar laut dan

biodiversiti marin, saya percaya banyak peluang berharga untuk dikongsi bersama,” kata beliau.

Perjanjian BBNJ menetapkan kerangka untuk hak dan keistimewaan, jelasnya.

Penyelidikan canggih adalah kunci untuk membina asas saintifik yang diperlukan untuk memahami, melindungi dan memelihara biodiversiti marin, tambah beliau dalam ucapan di acara itu.

“Singapura komited untuk pelaksanaan inklusif Perjanjian BBNJ, yang memanfaatkan kepakaran Asean dan negara-negara kecil yang sedang membangun,” kata Dr Balakrishnan.

“Pendekatan kerjasama ini akan menyumbang kepada pembinaan kapasiti, serta perkongsian manfaat secara adil dan saksama daripada penyelidikan saintifik marin di laut terbuka.”

Negara-negara pertama kali meluluskan teks perjanjian itu pada 2023, namun ia hanya akan berkuat kuasa setelah 60 negara mengesahkannya.

Ini dicapai pada September lalu, dan perjanjian tersebut dijangka berkuat kuasa pada 17 Januari 2026.